

07/07/1997

(Laporan mingguan BSKL)

MINGGU lalu memperlihatkan pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak begitu ghairah mengurus niaga dan keadaan seumpama itu dijangka berterusan minggu ini.

Bagaimanapun, kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada bercuti di seberang laut minggu ini mungkin akan mencetuskan minat di pasaran.

Antara kaunter yang cergas diniagakan sepanjang minggu lalu termasuk Taiping Consolidated yang meningkat 48 sen kepada RM3.66 dengan 106.143 juta saham diniagakan, Econstates naik 38 sen kepada RM3.44 dengan sebanyak 74.562 juta bertukar tangan, waran Commerce Asset merosot 33 sen kepada RM11.50 dengan 69.749 juta dan Chase Perdana naik RM1.00 kepada RM23.00 dengan 39.509 juta saham.

TSR Taiping Consolidated meningkat 38 sen kepada RM1.35 dengan sebanyak 34.182 juta saham berpindah milik, MBf Capital jatuh enam sen kepada RM4.66 dengan 30.565 juta saham diniagakan, BIndustrial naik 49 sen kepada RM2.95 (27.768 juta), Plantation and Development merosot 70 sen kepada RM6.25 (22.200 juta), Multi-Purpose naik 12 sen kepada RM3.52 (21.366 juta) dan Hai-O melonjak RM2.70 kepada RM12.40 (18.126 juta).

Di Papan Kedua, syarikat membuat pakaian dalam wanita Audrey, meraih had tertinggi ketika dibuka pada RM10.00 berbanding harga tawaran awal RM2.00. Ia ditutup pada RM9.10.

Mengikut sektor, Barangan Pengguna diniagakan sebanyak 75.144 juta saham, Barangan Perusahaan sebanyak 144.430 juta saham, Pembinaan 61.439 juta, Dagangan/Perkhidmatan 175.779 juta, Prasarana 3.786 juta, Kewangan 141.425 juta, Hotel 16.688 juta, Harta 265.505 juta, Perladangan 74.198 juta, Perlombongan 2.550 juta, Amanah 1.178 juta, Dana Tertutup 2.925 juta, Stok Pinjaman 19.685 juta dan Waran Panggilan 71.819 juta.

Di Papan Kedua, sejumlah 272.207 juta saham bernilai RM3.627 bilion bertukar tangan minggu lalu berbanding 216.751 juta saham bernilai RM2.533 bilion minggu sebelumnya.

Dagangan langsung berjumlah 186.909 juta saham bernilai RM2.141 bilion berbanding 305.284 juta saham bernilai RM2.157 bilion sebelumnya. -
Bernama

(END)